


Malaysia komited hasilkan vaksin pelbagai penyakit

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - November 1, 2021 @ 10:56am

fahmy.azril@bh.com.my



- Foto hiasan

KAJANG: Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) yang dilancarkan hari ini tidak akan tertumpu hanya pada pembangunan vaksin COVID-19 semata-mata, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menegaskan, ia akan diperluaskan kepada penghasilan vaksin bagi penyakit lain termasuk pembangunan vaksin untuk kanser kepala dan leher oleh Pusat Penyelidikan Kanser.

"Menerusi kajian pelan pembangunan vaksin negara oleh Majlis Sains Negara, pelan ini dilaksanakan secara bersama oleh MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) dan KKM (Kementerian Kesihatan).

"Melalui kajian ini, kerajaan bersetuju supaya MOSTI memberi fokus terhadap pembangunan dan penyelidikan vaksin tempatan," katanya berucap melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.